



**KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA
ZAFRULBIN TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN
INDUSTRI**

**MAJLIS PELANCARAN PAKEJ AUTO RAHMAH PROTON 2023
(2023 PROTON AUTO RAHMAH CAMPAIGN)**

**PROTON JEWEL SONIC SDN. BHD.,
IOI CITY MALL, PUTRAJAYA**

12 APRIL 2023 (RABU) | 1.30PM – 2.30PM

Y.Bhg. Datuk Hanafi Sakri

Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)

Y.Bhg. Dato' Sri Syed Faisal Albar

Pengerusi PROTON

Y.Brs. Dr. Li Chunrong

Ketua Pegawai Eksekutif, PROTON

Tuan Roslan Abdullah

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, PROTON

Barisan pengurusan dan warga kerja MITI serta PROTON Holdings

Rakan-rakan media, saudara-saudari yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.

1. Pertama sekali, terima kasih saya ucapkan kepada PROTON kerana usaha mereka menganjurkan majlis pada hari ini, bagi memberi ruang kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk melancarkan Pakej AUTO RAHMAH 2023.
2. Ini adalah sambutan kepada aspirasi Program Payung RAHMAH Kerajaan untuk meringankan beban rakyat dari pelbagai aspek kos sara hidup, khususnya dari segi kos

penyelenggaraan kenderaan, terutamanya di musim perayaan Aidilfitri yang bakal tiba.

3. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PROTON di atas komitmen untuk bersama-sama Kerajaan dalam usaha membantu meringankan beban rakyat menerusi pengenalan Pakej AUTO RAHMAH Proton 2023.
4. Seperti yang telah disebutkan, kempen ini dilihat seiring dengan matlamat dan aspirasi Program Payung RAHMAH yang telah dilancarkan pada bulan Januari lalu.

Hadirin sekalian,

PAKEJ AUTO RAHMAH 2023

5. Pelancaran kempen ini amat signifikan dan diperkenalkan tepat pada masanya, bersempena dengan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri.
6. Kita semua sedia maklum bahawa selain makanan, tempat tinggal dan kesihatan, pemilikan kenderaan kini sudah pun menjadi keperluan asas untuk rakyat. Justeru itu, implikasi kewangan berkaitan dengan pemilikan kenderaan seperti pinjaman dan perbelanjaan minyak kenderaan, tol dan penyelenggaraan merupakan antara komponen utama perbelanjaan isi rumah bulanan masyarakat di Malaysia.

7. Saya dimaklumkan bahawa Pakej RAHMAH Proton 2023 ini yang akan bermula mulai hari ini, 12 April sehingga 31 Mei 2023 memfokuskan kepada kereta Proton bagi model-model seperti Persona, Iriz, Exora dan Saga. Pakej ini juga turut merangkumi model-model lama Proton seperti Inspira, Waja dan Wira.

8. Objektif utama pelaksanaan pakej servis kereta ini adalah untuk memastikan pemilik-pemilik kenderaan PROTON menikmati diskaun di atas servis/penyelenggaraan kenderaan PROTON di pusat-pusat servis rasmi PROTON. Saya juga difahamkan bahawa di bawah Pakej Rahmah PROTON ini, perkhidmatan secara percuma turut diberikan bagi pemeriksaan keselamatan kenderaan. Saya pasti, kesemua ini juga menyumbang kepada keselamatan nyawa pemilik kereta dan keluarga tersayang, terutamanya di dalam musim perayaan Syawal yang bakal menjelang tidak lama lagi.

9. Di pihak MITI, saya amat berbesar hati dan mengucapkan tahniah kepada Proton di atas pelaksanaan kempen ini. Saya yakin, menerusi pelaksanaan pakej ini, ianya sedikit sebanyak dapat membantu pemilik kenderaan Proton di seluruh Malaysia, terutamanya golongan B40 meringankan sedikit beban kewangan bagi tujuan penyelenggaraan kenderaan, terutamanya di musim perayaan Aidilfitri yang akan datang ini.

10. Terima kasih juga diucapkan kepada kesemua pusat servis Proton yang terlibat dalam bersama-sama membantu menjayakan pelaksanaan pakej ini.

11. Adalah diharapkan pelaksanaan pakej seumpama ini dapat diteruskan di masa akan datang dan juga boleh dicontohi oleh syarikat-syarikat pemasang kenderaan jenama lain di Malaysia.

PENUTUP

12. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Pakej AUTO RAHMAH dan juga Pakej AUTO RAHMAH PROTON bagi tahun 2023.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum wbt.

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

12 April 2023